

R 0015 DES

PM - MELAKA

(1)

OLEH RACHMAN NORDIN

1984

NEW YORK, 10 OKT (BERNAMA) -- MALAYSIA KINI MEMINTA NEGARA-NEGARA MARITIM DAN FIRMA-FIRMA PERKAPALAN MEMBANTU MENYENGGARA KEMUDAHAN BAGI MENJAGA KEBERSIHAN SELAT MELAKA, DEMIKIAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU PERHIMPUNAN AGONG BANGSA-BANGSA BERSATU HARI INI.

KATANYA, BELIAU TIDAK MEMPUNYAI RUMUSAN TERTENTU TETAPI YAKIN AGENSI-AGENCI ANTARABANGSA YANG BERKENAAN MESTILAH MENELITI DAN MENGAPAKAN PERUNTUKAN YANG PERLU BAGI MENENTUKAN PERAIRAN ITU BERSIH.

BELIAU BERKATA MALAYSIA KINI SEDANG MENIMBANG MEMBERSIHKAN KAWASAN PERAIRAN ITU DARI SAMPAH SARAP DAN KOTORAN YANG KELUAR DARI KAPAL-KAPAL.

KATANYA, KELENGKAPAN DAN BOT YANG DIGUNAKAN OLEH MALAYSIA UNTUK MEMBERSIHKAN TUMPAHAN MINYAK DENGAN KOS YANG BESAR TIDAK LAGI MENCUKUPI.

INI KERANA SELAT MELAKA TELAH MENJADI BEGITU KOTOR DENGAN TOMPOK-TOMPOK MINYAK, KERTAS, BAHAN PLASTIK DAN SAMPAH-SAMPAH LAIN YANG AKHIRNYA TERDAMPAR DI PANTAI MALAYSIA DAN MENJADIKANNYA JUGA KOTOR. LAGI.

0243MST 11 10 84

R 0016 DEB

PM - MELAKA 2 NEW YORK

DR MAHATHIR MEMBERITAHU PERHIMPUNAN ITU BAHAWA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG MENGHADAPI SELAT ITU TIDAK HARUS DIBEBANKAN LAGI DENGAN TERPAKSA BERUSAHA MELENGKAP DAN MENYENGGARA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG MAHAL BAGI MEMBERSIHKAN TUMPAHAN MINYAK YANG MEROSAKKAN PERUSAHAAN NELAYAN BEBERAPA TAHUN AKAN DATANG.

NEGARA-NEGARA INI YANG PANTAINYA DIGUNAKAN UNTUK MENARIK PELANCONG DIPUSAT-PUSAT PERCUTIANNYA TERPAKSA MEMBERSIHKANNYA DENGAN BELANJA SENDIRI KESELURUHANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KAPAL-KAPAL YANG MELAKUKAN KOTORAN ADALAH MILEK PIHAK YANG KAYA DAN +MEREKA MESTILAH TURUT MENANGGUNG BELANJA SEKURANG-KURANGNYA SEBAHAGI ANDARINYA. +

KATANYA, SELAT MELAKA YANG DIANGGAP SEBAGAI LALUAN KAPAL ANTARABANGSA KINI DIGUNAKAN OLEH BERATUS-RATUS KAPAL BESAR PENUH DENGAN BERBAGAI JENIS MUATAN TERMASUK BAHAN KIMIA YANG MEMBAHAYAKAN SERTA PETROL.

KAPAL-KAPAL MINYAK PULA SERING BERLANGGAR MENGAKIBATKAN TUMPAHAN MINYAK DAN MENGOTORKAN SELAT.

BELIAU MEMBERITAHU PERHIMPUNAN ITU MEMANDANGKAN KEADAAN ITU MALAYSIA BERHAK MEMINTA NEGARA-NEGARA MARITIM DAN FIRMA PERKAPALAN YANG JELAS MENDAPAT FAEDAH MENGGUNAKAN SELAT ITU TURUT MENYENGGARA KEMUDAHAN BAGI MENENTUKAN SELAT MELAKA BERSIH. - BERNAMA

0243MST 11 10 84